



17 Ogos 2011
17 August 2011
P.U. (A) 275

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH FI (KEMUDAHAN POTONGAN GAJI PEGAWAI
AWAM PERSEKUTUAN) 2011

*FEES (FEDERAL PUBLIC OFFICER'S SALARY DEDUCTION
FACILITY) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (KEMUDAHAN POTONGAN GAJI PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN) 2011

PADA menjalankan kuasa di bawah seksyen 3 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan sebagai **Perintah Fi (Kemudahan Potongan Gaji Pegawai Awam Persekutuan) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Ogos 2011.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini “pegawai awam persekutuan” ertinya seseorang yang memegang secara sah, bertindak sebagai atau menjalankan fungsi pejabat awam persekutuan dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dinyatakan di bawah Fasal 132(1) Perlembagaan Persekutuan.

Fi

3. Jabatan Akauntan Negara Malaysia bolehlah atas permohonan mana-mana agensi bukan Kerajaan, iaitu badan-badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, institusi kewangan dan koperasi, memberi kepada agensi bukan Kerajaan itu kemudahan potongan gaji kasar pegawai awam persekutuan daripada sistem gaji berkomputer yang dikendalikan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia tertakluk kepada pembayaran fi sebanyak satu ringgit.

Pembayaran fi

4. Pembayaran fi yang disebut dalam perenggan 3 hendaklah dikenakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia atas asas per transaksi.

Dibuat 2 Ogos 2011
[ANM/SPP/M/3/10(25); PN(PU2)86/XIV]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

[Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Fi 1951]

FEES ACT 1951

FEES (FEDERAL PUBLIC OFFICER'S SALARY DEDUCTION FACILITY) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Fees Act 1951 [*Act 209*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Fees (Federal Public Officer's Salary Deduction Facility) Order 2011**.

(2) This Order comes into operation on 18 August 2011.

Interpretation

2. In this Order "federal public officer" means a person lawfully holding, acting in or exercising the functions of a federal public office in the public service as specified under Clause 132(1) of the Federal Constitution.

Fee

3. The Accountant General's Department Malaysia may upon application by any non-Governmental agency, namely statutory bodies, government linked companies, financial institutions and cooperative societies, grant the non-Governmental agency a salary deduction facility for the deduction of a federal public officer's gross salary from the computerized salary system operated by the Accountant General's Department Malaysia subject to the payment of one ringgit.

Payment of fee

4. The payment of the fee referred to in paragraph 3 shall be charged by the Accountant General's Department Malaysia on per transaction basis.

Made 2 August 2011
[ANM/SPP/M/3/10(25); PN(PU2)86/XIV]

By Command,

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Secretary to the Cabinet

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Fees Act 1951]